

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang.**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat, الْحَمْدُ لِلَّهِ
sekarang kita bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Rang Undang-Undang ini adalah dalam penelitian kita dan dibahaskan satu per satu di Peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan penelitian ini di Peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu per satu.

Pada mesyuarat yang kita adakan pada sebelah pagi tadi. Kita telah membincangkan dan membahaskan dengan panjang lebar Jadual Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Walau bagaimanapun, sebelum kita meneruskan perbincangan, penelitian mengenai dengan Tajuk ini, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ingin untuk membuat kenyataan tambahan bagi menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan pada sebelah pagi tadi.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal
Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Kaola sukacita mengambil kesempatan untuk membuat ulasan dan juga sebagai penjelasan tambahan berhubung apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman berkenaan keperluan kita mempunyai ketentuan-ketentuan peningkatan pendapatan ertinya meningkatkan taraf pendapatan dan berapa peratus pencapaian kita ditentukan terutama sekali bagi menentukan pencapaian dalam Wawasan Brunei 2035.

Kaola ingin mengambil kesempatan dari segi aspek zakat. Ia ada hubungan dengan zakat. Zakat itu memang dihajatkan ada penyumbang-penyumbanganya Zakat Fitrah dan Zakat Harta. Apabila zakat sudah terkumpul ia di bawah undang-undang kelolaan ataupun *custodian* di bawah Majlis Ugama Islam Brunei sebagai Pemegang Amanah.

Jadi kaedahnya ada zakat terkumpul, kemudian ada Asnaf yang memohon.

Asnaf yang memohon itu akan diteliti dan apabila mereka didapati layak mengikut kategori-kategori: Fakir Miskin, Muaf, Al-Gharimin, dan kita memakai cuma 6 Asnaf sahaja daripada 8 dan juga tidak ada Al-Riqab, Fisabilillah.

Apabila mereka itu sudah dikenal pasti sebagai Asnaf, maka kedudukannya dari segi hukum syara', mereka itu orang yang berhak ke atas zakat. Jadi zakat yang terkumpul diagihkan kepada yang berhak. Di sini perkataan atau sebutan yang digunakan ialah Agihan Zakat bukan sumbangan atau pemberian zakat kepada Asnaf. Tetapi agihan zakat, kerana agihan itu bermakna mereka itu mempunyai hak ke atas zakat yang terkumpul berdasarkan kelayakkan mereka sebagai Asnaf jadi diagihkan.

Dengan itu, kita melihat katalah ambil contoh Fakir Miskin. Mereka berhak mendapat zakat kerana tidak kecukupan untuk menyara hidup kalau mereka mempunyai pendapatan. Katalah pendapatan orang yang bekerja dengan gaji tidak sampai \$1,000.00, \$700.00, \$900.00 dan sampai katalah mencecah \$1,000.00 tetapi dengan tanggungan isteri dan anak 3 ke 5 orang, jadi dalam sukat-sukat yang ada pada masa ini dalam kedudukan mereka tinggal di pinggir bandar ataupun tengah-tengah bandar sekalipun, tetapi jarang di tengah-tengah bandar, mereka memerlukan kalau tinggal di Rumah Perpindahan, بِإِذْنِ اللَّهِ pembayaran Rumah Perpindahan tidaklah seberapa tinggi tetapi masih juga menanggung bayaran elektrik, bayaran itu dan kereta.

Kemudian anak sekolah, jadi didasarkan kepada pendapatan itu, mereka adalah orang yang tidak mencukupi.

Kalau tidak kecukupannya itu setakat mempunyai ada pendapatan tetapi digunakan untuk memenuhi keperluan seterusnya tidak mencukupi mereka miskin, tetapi kalau mereka itu ada sedikit ataupun langsung tidak ada pendapatan mereka itu Fakir, jadi kategori-kategori ini adalah terjadi dalam masyarakat kita.

Lain lagi orang yang memang sudah dengan penyakitnya yang memang dalam umur tuanya. Semua ini menjadikan satu kumpulan dalam masyarakat kita yang dalam pendapatan ataupun sekalipun negara kita mewah dan pendapatan sekian orang yang berpendapatan tinggi, akan terjadi *gap* antara yang berpendapatan sederhana makna cukup, berpendapatan tinggi lebih dan yang tidak berpendapatan atau berpendapatan tetapi tidak mencukupi. Jadi, orang yang di bawah inilah yang orang yang berhak menerima zakat.

Di sini dalam konteks peningkatan bagaimana mereka harus dilepaskan daripada kepompong kemiskinan itu, itulah usaha-usaha dalam pengurusan zakat terdapat namanya Pengupayaan Asnaf, apa yang kami sebut dari 2006/2007 ialah sebagai PROPAZ.

Program Pengupayaan Asnaf Zakat. Anak-anak mereka ataupun anak-anak mereka diberikan latihan, kalau mereka itu adalah *able-body* orang yang boleh

bekerja. Kalau ia tidak dapat, maka anaknya atau siapa-siapa dalam keluarganya yang terkandung dalam zakat. Jadi sejauh mana kejayaan program-program seumpama ini.

Selain PROPAZ ada lagi program-program, bantuan-bantuan misalnya untuk menambah modal perusahaan kecil atau untuk misalnya ada perahu tetapi tidak ada enjin untuk menjadi mutu tambang atau sudah berkecimpung sebagai nelayan tetapi tidak mencukupi dengan hanya sukatan perahunya ini untuk ke laut, cuma untuk di pesisir pantai atau di teluk. Jadi mereka ini dibantu sekian-sekian.

Jadi pengupayaan inilah sebenarnya usaha kitani. Kalau dari segi zakat ialah usaha mengupayakan mereka dari segi keseluruhan rasional ada dalam Majlis Jawatankuasa Khas Menangani Isu-Isu Kemiskinan dan sebagainya sudah ada usaha sedemikian.

Tetapi ingat, yang kaola mahu tekankan Yang Berhormat, sekalipun *ablebody* namanya kalau dalam dasar yang ada pada masa ini, *ablebody* akan didorong dan diatitkan untuk bekerja. Kalau mereka bekerja mereka mengikuti dan selepas bekerja mereka mempunyai pendapatan, selepas itu mereka dilepaskan daripada bantuan di bawah Skim Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) kerana itu bantuan.

Tetapi dalam zakat, sekalipun mereka *ablebody* dan mendapatkan latihan-latihan tetapi, kalau pendapatannya itu setelah mempunyai latihan-latihan

ataupun pekerjaannya itu mempunyai peningkatan-peningkatan misalnya ia dari *Driver* menjadi pekerja di pejabat, masuk ke dalam gaji tambahan sekian-sekian tetapi masih juga tidak mencukupi maka sekalipun mereka *ablebody* mereka tetap Asnaf dan berhak untuk menerima zakat.

Soalnya sampai bila hal sedemikian ini akan terjadi?. Seolah-olah Islam membenarkan kemiskinan. Islam melihat kemiskinan sebagai satu realiti. Kalau melihat kepada negeri-negeri yang sudah maju, baik yang dekat mahupun yang jauh, semakin maju negeri itu semakin meningkat taraf hidupnya.

Yang paling dekat sahaja misalnya negara jiran kitani, peningkatan taraf hidup dalam beberapa tahun adalah sekian, saya tidak menyebut negerinya, tetapi *gaps* kemiskinan itu ada.

Jadi bagaimana orang-orang yang tertinggal ini mereka pelihara?. Adakah tidak ada *welfare* atau mereka tidak menamakan negerinya *welfare state*?. Atau tidak menyokong dasar-dasar *welfare*.

Tetapi pada hakikatnya mereka tidak dapat membiarkan rakyatnya miskin dan terus dalam kemiskinan, melainkan dengan beberapa program memberikan bantuan-bantuan subsidi yang disalurkan melalui berbagai-bagai cara.

Katalah misalnya, anak daripada kalangan ini, mereka mempunyai pendapatan yang sekian-sekian tetapi

tidak mencukupi tetapi anak tersebut memerlukan *tuition*. Ditambah lagi keluarganya tiba-tiba mengalami semacam kedudukan apabila *retrenchment* terjadi di negara itu.

Misalannya pendapatan \$1,000.00 tapi kalau di negara itu \$1,200.00 ada minimum pendapatan orang yang bekerja \$900.00 ke \$1,200.00

Tetapi pendapatan ini, dengan adanya *retrenchment* mereka ditawarkan kerja, boleh meneruskan kerja dengan separuh gaji. Pada masa itulah apa yang dibelanjainya? Dibelanjainya anaknya *tuition* terpaksa diberhentikan.

Sewa-sewa *PUB, Public Utilities Facility* yang misalannya pengangkutan sampah tinggal dan sebagainya, jadi tidak kecukupan. Jadi dalam hal inilah, ada *intervention* dari negara untuk menyalurkan supaya rakyat yang sedemikian ini tidak terbiar. Itu salah satu contoh.

Islam bukan menggalakkan kemiskinan ataupun melayan supaya Islam tetap miskin tetapi kemiskinan itu suatu realiti dan realiti ini Islam cuba menyelesaikannya dengan dasar-dasar kitani pemedulian, dasar-dasar impak dan dasar-dasar termasuklah dalam dasar-dasar seperti ini.

Jadi kerana itu, kaola bukan sahaja kepada Yang Berhormat tetapi meminta Dewan yang mendengar di sini iaitu *public* untuk memahami kedudukan ini, apabila dilihat zakat, seolah-olah mendulur.

Apa yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama atau Majlis Ugama Islam dalam perkara ini Yang Berhormat Pengerusi zakat ini ialah menyalurkan pengagihan kepada yang berhak. Tinggal lagi bagaimana menentukan yang berhak ini bukan mudah.

Penyiasatan-penyiasatan terperinci, penelitian dan peranan daripada kepimpinan akar umbi terutama sekali bukan sahaja Ketua Kampung atau Penghulu. Akar umbi itu dimaksudkan ialah pekerja-pekerja sosial.

Pekerja-pekerja sosial ingin kaola serukan, marilah bekerjasama dengan agensi seperti zakat ini. Untuk benar-benar tampil membantu mereka ini, mereka ada secara serius, ertinya bukan membantu menyampaikan aduan Membantu cuba mengatasi apa sebenarnya masalah keluarga ini.

Macam misalannya subuh tadi, saya menerima *whatsapp* daripada seorang sahabat menyampaikan seorang ibu tunggal mualaf di daerah Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari barangkali ada *whatsapp* mengatakan minta maaf sudah beberapa hari. Jadi segera perkara itu diambil tindakan disalurkan kepada pihak yang berkenaan untuk menyasat.

Kalaulah misalannya orang yang menerima *whatsapp* itu mempunyai perasaan yang cuba gerakkan di masjid mana belianya, mana takmirnya, di kampung itu mana ketua kampungnya? Mari Bersama-sama melihat bisdia ini

apa hal yang sebenar. Daripada laporan bisdia itu dibawa kepada pihak **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** yang berkenaan iaitu bahagian zakat.

Macam itu jua badan-badan yang sudah tampil mempunyai program-program sosial semacam ini, jadilah seiring jalan dengan agensi-agensi JAPEM dan bekas bahagian kumpulan agihan zakat untuk sama-sama menolong orang yang sedemikian ini.

Lain lagi Asnaf yang benar-benar Yang Berhormat Pengerusi seperti Asnaf Al-Garimin. Sekarang ini Al-Garimin terjadi dari kelompok orang yang tertunggak bayarannya seperti contoh perumahan negara.

Dasar yang ada ialah orang yang tidak mempunyai rumah kalau mereka itu memang dalam kategori miskin dan memang benar-benar memerlukan rumah, dibantu rumah daripada sewa \$350 hingga ke \$500. Jadi bagaimana orang yang tertunggak orang yang RPN.

Dalam Dewan ini, pernah kaola meminta supaya yang tertunggak itu tampil melalui Jabatan Kemajuan Perumahan untuk mengemukakan masalah mereka yang tidak terbayar kerana masalah tertentu dan meminta Jabatan Kemajuan Perumahan untuk menyalurkan permohonan mereka. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** secara permohonan sedemikian atau permohonan langsung kepada bahagian zakat, mereka ini tergolong untuk menyelesaikan tunggakan-tunggakan.

Soalannya ialah bagaimana orang yang duduk dirumah *private*? Yang di notis oleh bank untuk digadai dan notis itu dibawa sampai ke perintah mahkamah untuk *bankrupkan*. Dua perkara yang berbeza dalam satu isu iaitu perumahan.

Sebuah rumah perumahan dan dasarnya tidak dapat dijual beli. Jadi maknanya mereka tidak punya harta untuk menebus. Berbeza dengan orang yang tinggal dirumah *private*, rumah itu boleh dijual. Sejauh mana harganya mungkin harganya lebih tinggi daripada hutangnya. Jadi itulah perbezaannya, penimbangannya.

Kaola setakat ingin menyatakan dan sekali lagi menekankan bahawa Islam tidak *mentolerate* kemiskinan tetapi Islam melihat kemiskinan suatu realiti. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian ingin untuk membuat kenyataan tambahan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola memberikan jawapan tambahan kepada soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, dengan barang tiruan tadi pagi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Pada masa ini perlindungan dan harta intelek bagi tanda perniagaan iaitu *trademark pattern*, reka bentuk perindustrian, *industrial design* dan *plan varieties protections* dipantau oleh pihak *Brunei Intellectual Property Office* di bawah Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Perlindungan bagi harta intelek hak cipta iaitu *copyright* dan *layout design* dipantau oleh pihak Pejabat Peguam Negara.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan terhadap barang-barang tiruan itu dijalankan oleh Pejabat Peguam Negara, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan tertakluk jua kepada pemilik harta intelek itu sendiri mendaftarkan aduan kepada pihak-pihak penguat kuasa.

Sekian sahaja yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah jawapan soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, mengenai bengkel-bengkel kereta yang membuang sisa-sisa minyak di longkang yang mencemarkan alam sekitar.

Kaola difahamkan bahawa Pengerusi bagi mengeluarkan Lesen Tahunan Bengkel-Bengkel (*workshop*) kereta adalah di bawah Jabatan Pengangkutan Darat dan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi adalah salah seorang daripada ahlinya.

Dalam semua permohonan sama ada yang membarui Lesen Tahunan ataupun yang baru memohon, pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) akan memberi syarat untuk setiap bengkel dikehendaki memasang perangkap sisa minyak (*waste oil sump*) untuk mengumpulkan sisa-sisa minyak tersebut sebelum dihantar ke Pusat Rawatan Minyak Terpakai yang diiktiraf oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE).

Jika peraturan ini tidak dipatuhi lesen mereka tidak akan dikeluarkan ataupun disambung. Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) dan Jabatan Pengangkutan Darat juga sentiasa membuat pemeriksaan berkala di bengkel-bengkel untuk memastikan *workshop* ini tidak selarah-larahnya membuang sisa minyak di longkang berdekatan.

Mengenai *Building Control Order* bagi bangunan yang usang ataupun yang kurang elok di kawasan bandaran bidang kuasa pihak *ABCi* hanya memastikan bahawa semua bangunan yang terdapat di kawasan bangunan ataupun luar bandaran dalam keadaan selamat untuk didiami.

Mana-mana bangunan yang difikirkan tidak selamat dari segi *structure* nya telah diperiksa oleh *QP* maka *ABCi* akan mengarahkan pemilik-pemilik bangunan tersebut untuk mengosongkan bangunan tersebut dan bagi bangunan-bangunan terbiar ataupun kurang elok itu terpulanglah kepada pihak yang berkenaan untuk memaklumkan kepada tuan punya bangunan supaya memastikan bangunan itu diperbaiki ataupun sebaliknya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang memberikan penerangan tambahan, tapi saya suka untuk sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Ugama kerana membawa satu *point* yang saya kira sangat relevan kepada kita di sini bahawa kita bukan hanya boleh membawa aduan-aduan ataupun *complain* tetapi kita harus berusaha bersama untuk menyelesaikan perkara yang dihadapi oleh anak buah biskita, orang-orang yang menjadi ahli warga di kawasan masing-masing.

Saya kira peringatan ini, satu peringatan yang perlu kita ambil supaya kita lebih efektif untuk melaksanakan tugas-tugas kitani pada waktu-waktu yang akan datang.

Seterusnya sekarang saya menyambung semula soalan-soalan ataupun kenyataan-kenyataan bagi kita untuk

terus meneliti dan membahaskan Tajuk Jadual Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih atas usaha Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri. Di sini saya ingin menyentuh dua perkara:

1. Tajuk SE01A-004/001 - Pengurusan Hal-Ehwal Jabatan-Jabatan Daerah. Di setiap Mukim dan Kampung kitani memaklumi mempunyai MPM (Majlis Perundingan Mukim) dan MPK (Majlis Perundingan Kampung) nya sendiri. Apakah peruntukan yang diberikan ini, termasuk juga untuk mengupayakan belia kampung atau belia mukim di peringkat ini dilaksanakan supaya ia lebih tersusun dan terarah.

Perlulah juga ada program serta pegawai-pegawai berkenaan ditingkatkan kapasitinya dalam kerja pembangunan belia. Jika belum ada unitnya atau pegawainya mungkin dapat diwujudkan untuk melihat, menyelaras dan mengembangkan lagi penglibatan belia di peringkat kampung atau mukim ini.

Kitani ingin melihat *succession* untuk pemimpin seterusnya di peringkat akar umbi dan sekiranya perkara ini

dijalankan ada *talent pool* kitani untuk diasuh sejak awal belia kitani.

2. Tajuk SE05A - Jabatan Buruh, Kod 001/000 (Pengurusan Polisi dan Korporat). Dalam dunia pekerjaan yang tidak menentu, hilang punca rezeki dan diberhentikan kerja kerana syarikat tutup atau tidak lagi mampu membayar gaji kerana perniagaan merudum justeru terpaksa diberhentikan atau ada pekerja terpaksa berhenti sendiri kerana menjaga ahli keluarga yang sakit adalah satu yang perlu diambil kira dan difikirkan bersama di sini. Saya ingin mencadangkan pihak kerajaan perlulah mengkaji dasar dan peraturan untuk dua perkara bagi sektor swasta:

- i. *Unemployment Insurance* iaitu untuk mereka yang diberhentikan kerja bukan kerana kesalahan dan masih mampu untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan ini adalah untuk menanggung sedikit usahanya untuk mencari pekerjaan baharu dan tidaklah habis mata pencariannya walaupun cuma dibayar separuh atau kurang dari separuh itu dengan perlindungan *insurance* ini; dan
- ii. *Employment Insurance* ia adalah faedah bagi mereka yang menjaga ahli keluarga yang sakit atau cedera untuk diberikan manfaat kepada mereka sehingga sesuatu masa yang sesuai untuk cuti sementara dan masih menerima gaji. Kasihan jua kadang-kadang kitani mendengar ibu bapa terpaksa

mengambil cuti tanpa gaji kerana tidak cukup cuti tahunan di tempat kerja kerana menjaga anak mereka yang sakit. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, atas soalan-soalan yang dikemukakan mengenai Majlis Perundingan Kampung ataupun Majlis Perundingan Mukim. Adakah ia melalui peruntukan ini memberi peruntukan kepada belia. Bajet yang kita berikan ini adalah untuk pengurusan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim.

Adalah tertakluk kepada Majlis Perundingan itu sendiri untuk mengadakan bironya. Diperhatikan yang selalu aktif ialah Biro Wanita sahaja. Pada tahun lepas, dalam Dewan ini pun kaola pernah menyuarakan bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini supaya dianggotai oleh para belia.

Ertinya bukan lagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri *dictate* mengarahkan ambil belia, inisiatif daripada Penghulu, Ketua Kampung, Orang-Orang Bergelar dan meraka yang dilantik menjadi Penasihat kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bersama-sama bergerak untuk membawa belia ini ke dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Pengalaman kaola sendiri, sebelum kaola menjadi Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri pernah dilantik untuk menjadi

Penasihat kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Perkara pertama yang menjadi komen kaola pada waktu itu, kenapa orang yang bersara sahaja yang menjadi ahli kepada Majlis Perundingan Mukim ini? Mana belianya di mukim ini? Itu soalan pertama yang kaola tanyakan.

Kaola menyarankan supaya Pengerusi Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan siapa sahaja orang-orang yang menjadi anggota Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bergerak bersama-sama membawa belia ini.

Sebagaimana juga aktifnya biro wanita dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, *succession planning* perlu diusahakan dan diinisiatifkan oleh majlis-majlis perundingan. Kementerian akan menyokong apa jua yang akan begitu juga *succession planning* ada latihan-latihan tertentu, yang ingin mengengage orang tertentu untuk dibayar, kementerian akan menimbangkannya. Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mesti berusaha sendiri, mesti membuat inisiatif sendiri tanpa payah diarah-arahkan.

Mengenai Buruh. *Unemployment insurance* satu cadangan yang baik. Perkara ini bolehlah diteliti nanti kesesuaiannya untuk kita mengenalkannya di negara ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Salam sejahtera.

Dalam Perkara ini Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya membawa satu cadangan atau usul kerana kebanyakan soalan-soalan yang dikemukakan telahpun terjawab dalam mukadimah yang disampaikan Yang Berhormat Hal-Ehwal Dalam Negeri dan daripada Ahli Yang Berhormat sebelumnya.

Perkara yang ingin kaola bawakan ialah yang menjadi kemarahan kepada pemilik bangunan dan kedai-kedai di kawasan bandaran dan di daerah-daerah.

Iaitu mengenai iklan-iklan yang dilekatkan di dinding-dinding bangunan seperti dinding bangunan kedai, tiang-tiang kedai di cermin kereta, pintu kereta yang akhirnya barang itu menjadi sampah dan sebagainya dan menjadi kotor.

Kalau kita amat-amati kebanyakan iklan itu kalau kita perhatikan bukan orang kita yang melekatkan tapi orang luar, pengusaha-pengusaha luar. Kaola percaya barangkali mereka ini kebanyakannya menyalahi, akta buruh akta, imigresen dan mungkin tidak

mempunyai lesen sebagai kontraktor dan sebagainya.

Maka dalam perkara ini, kaola ingin tahu barangkali samada ada akta peraturan yang membolehkan mereka ini akan diambil tindakan dan jika ada, diminta perkara ini akan dapat dilakukan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad atas soalan yang dikemukakan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan dapat kita tangani oleh Lembaga Bandaran atau Jabatan Daerah mengikut akta-akta yang ada dan perkara ini akan dapat ditangani. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Salam sejahtera. Kaola akan bercakap mengenai Tajuk SE01A - Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu mengenai Lembaga Bandaran dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung:

1. Lembaga Bandaran. Kaola mengucapkan terima kasih dan

tahniah atas inisiatif Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan pelantikan ahli-ahli baharu Lembaga Bandaran dan juga Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang terdiri daripada golongan muda dan belia sebagaimana menyambut cadangan yang dikemukakan pada Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2017.

Langkah ini sejajar dengan matlamat negara dengan mengetengahkan pemimpin-pemimpin muda dan belia yang berkaliber ke arah membangun dan kesejahteraan negara. Penglibatan seluruh masyarakat khususnya pihak swasta dalam sama-sama membantu melaksanakan semua bentuk kemajuan terutama sekali di kawasan Lembaga Bandaran perlu bagi menyokong konsep pendekatan seluruh negara.

Kaola mencadangkan agar peluang-peluang kerjasama ini dapat diperluaskan kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Melalui peluang-peluang yang ada dalam Projek Kemajuan Bandar dengan menyambut kira kaedah menang kepada semua pihak. Walaupun sumbangan yang mereka buat itu nampaknya kecil tetapi mampu menjimatkan perbelanjaan kerajaan telah mewujudkan jalinan kerjasama yang kuat dengan pihak swasta.

Sebagai contoh penyediaan tong-tong sampah yang mempunyai nilai reka bentuk pelancongan diletakkan

di tempat-tempat yang berpotensi dalam bandar boleh sahaja dibekalkan atau ditaja oleh pengusaha kecil sebagai inisiatif membantu mencantikkan bandar begitu juga penyediaan pasu-pasu bunga, bangku-bangku rehat dan sebagainya.;

2. Mengenai Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah sebagai pemangkin kepada kemajuan dan kesejahteraan negara di peringkat kampung. Bagi memantapkan keprihatinan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dirancang dengan mewujudkan program-program sokongan dan bimbingan yang dilaksanakan oleh antara pihak kerajaan dan peringkat daerah dengan kerjasama pihak swasta dan *NGO*.

Sebagai inisiatif dan usaha berterusan ke arah memberi kefahaman kepada bimbingan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk terus aktif dan komited mengadakan aktiviti yang berfaedah kepada masyarakat kampung.

Sebagai langkah permulaan dicadangkan penganjuran acara-acara berbentuk kemasyarakatan seperti sukan dan riadah yang dikendalikan oleh pihak yang berkenaan dengan kerjasama kerajaan dan diadakan di kampung-kampung yang dikenal pasti memerlukan perhatian.

Dengan adanya inisiatif ini, ia dapat memberikan pengalaman yang berguna kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan juga masyarakat di kampung.

Dalam masa yang sama ia dapat memberi suntikan semangat serta dorongan kepada Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk terus bergiat dan aktif; dan seterusnya kaola bercakap mengenai Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong iaitu Mukim dan Kemajuan dan Pembangunan Daerah Tutong. Terdapat beberapa persoalan daripada orang ramai khususnya daripada penduduk di Pekan Tutong dan juga di Daerah Tutong berkenaan dengan bangunan lama Pejabat Daerah Tutong yang terletak di hadapan Jalan Encik Awang, Pekan Tutong.

Bangunan ini sebelum digunakan oleh Pejabat Mahkamah Tutong dan telah pun lama dikosongkan serta nampak terbiar. Memandangkan ia merupakan bangunan yang lama yang mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri wajar ia dikekalkan dan dipelihara dengan baik mungkin sebagai satu khazanah warisan Daerah Tutong.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin mengemukakan pertanyaan:

- i. Apakah kedudukan atau status bangunan ini sekarang sejak ia dikosongkan?; dan

- ii. Apakah ada cadangan dan perancangan jangka pendek untuk menggunakan bangunan berkenaan sebagai tempat acara yang bersesuaian yang dilihat boleh menyumbang kepada aktiviti bagi meningkatkan sosioekonomi masyarakat setempat dan kemajuan Pekan Tutong selain membiarkan ia kosong sebegitu sahaja?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung yang telah mengemukakan 3 perkara.

Mengenai Mukim Lembaga Bandaran dan kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Awang Haji Umarali bin Esung yang pada tahun lepas juga menyuarakan akan pentingnya menyerapkan belia dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan juga dalam lembaga-lembaga seperti Lembaga Bandaran.

الْحَمْدُ لِلَّهِ dengan lantikan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran mulai bulan September 2017 kita telah berusaha menyerapkan beberapa orang belia dalam Lembaga-Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan Tutong dan juga Kuala Belait. Mudah-mudahan mereka ini akan dapat memberikan sumbangan yang bermakna ke arah

melaksanakan tugas dan tanggungjawab Lembaga Bandaran.

Memang tepat seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung bahawa kita juga perlu menjalin kerjasama dengan Syarikat-Syarikat Kecil dan Sederhana. Yang Berhormat memberikan contoh dalam penyediaan tong sampah.

Sebenarnya sudah pun terbukti akan kesediaan syarikat-syarikat swasta dalam memberikan sumbangan ke arah kebersihan ini sebagaimana yang ditunjukkan mereka semasa sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada tahun lepas. Sebab itu kitani di Bandar Seri Begawan ini dapat menyaksikan banyaknya tong-tong sampah yang diletakkan dalam jarak yang berdekatan sama ada di Taman Jubli Emas, Jalan *Residency* dan juga di Bandar Seri Begawan.

Malah dalam penyediaan tong sampah ini juga kaola ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan yang telah pun bekerjasama dengan menggunakan bahan-bahan yang terpakai iaitu bekas drum minyak yang telah dipotong dan beberapa buah sekolah telah pun menyertai untuk menyediakan lukisan-lukisan yang menarik di tong-tong sampah ini boleh disaksikan semula semasa Bandarku Ceria.

Tujuannya bukan sahaja menyediakan tong-tong sampah dengan harga yang murah, kita hanya memerlukan cat untuk mengecatnya tetapi juga menimbulkan rasa *sense of belongingness* dalam kalangan kanak-kanak, pelajar-pelajar, belia yang sekali gus juga membantu mereka untuk mengembangkan daya kreativiti mereka. Jadi itu satu perkara yang sangat kita hargai. Jadi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mencadangkan untuk bekerjasama dengan *NGO's* satu cadangan yang baik.

Mengenai Bangunan Lama Pejabat Daerah Tutong. Bangunan ini sebenarnya pada suatu waktu di bawah kawalan Jabatan Daerah Tutong tetapi pada tahun 2006 telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan oleh Jabatan Muzium-Muzium dan ia pernah juga digunakan sebagai Mahkamah Syariah Tutong dan Mahkamah Sivil Tutong sehingga pertengahan tahun 2016. Pada masa ini ia kosong dan belum lagi digunakan.

Kementerian mengongsikan maklumat ini dengan kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan lain bagi mereka boleh menggunakan bangunan yang kosong ini bagi tujuan-tujuan tertentu. Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak ada halangan bagi mana-mana kementerian yang ingin menggunakan bangunan ini untuk tujuan atau menempatkan pejabat-pejabat atau apa jua keperluan kementerian-kementerian berkenaan.

Sekian sahaja yang dapat kaola maklumkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Lebih dahulu dalam kesempatan ini jua kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada petang kelmarin.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mewakili Zon 3 termasuk Kampung Air. Pada petang ini kaola akan menyentuh Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

1. Isu sampah di Kampung Air amat membimbangkan dan mendatangkan masalah kepada penduduk-penduduk Kampung Air khususnya dan negara amnya. Walaupun beberapa kempen kebersihan secara bergotong-royong sering diadakan tetapi nampaknya isu sampah ini belum dapat diatasi secara sepenuhnya.

Apakah usaha-usaha seterusnya Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan untuk memastikan pembuang sampah dan sisa-sisa yang beracun di Kampung Air tidak dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab?.

Dalam Dewan ini juga, kaola ingin mencadangkan yang mungkin boleh digunakan untuk menjadikan Sungai Brunei bersih seperti mulanya dahulu iaitu pada tahun-tahun enam puluhan kehidupan laut hidup dengan baik di samping memperkenalkan undang-undang. Maka, dicadangkan penduduk Kampung Air yang rumah mereka di tebing-tebing sungai dipindahkan atau ditempatkan di perumahan negara dan tapak rumah mereka akan dapat ditimbuk supaya rumah-rumah yang ada sekarang berdiri di atas tanah dan pembuangan sampah dapat dikawal dengan penuh berkesan.

Ini adalah satu *trade off* yang perlu kita hadapi sekiranya kitani mahu supaya sungai kembali bersih dan jadikan ia satu tarikan pelancong dan juga pembiakan kehidupan laut seperti ikan, ketam dan lain-lainnya.

Seterusnya, kaola akan menyentuh Kod 113 - Kemudahan Awam dan Alam Sekitar.

2. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini saya telah melawat Kampung Air dan mendapati bahawa beberapa jambatan kecil yang juga disebut sebagai pail Kampung Air sudah pun berkeadaan membimbangkan.

Sebahagian tiang-tiang dan lantai-lantainya sudah pecah, mumut, buruk dan patah serta berlubang-lubang dan dikhuatiri mereka yang melewatinya seperti pelancong, kanak-kanak dan penduduk kampung terjatuh.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan ihsan dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara akan dapat mengambil tindakan dan perhatian yang sewajarnya bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini terjadi padamasa-masa akan datang.

3. Yang Berhormat Pengerusi, seterusnya akibat kebakaran pada 7 Disember 2016 dan 27 Disember 2016 beberapa rumah dan jambatan di Kampung Air (Kampung Lurong Dalam) telah musnah dan hanya tinggal tiang-tiang rumah yang ada, Pada masa ini sedikit sebanyak merosakkan Kampung Air. Dalam hal ini, dipohonkan juga supaya ia mendapat perhatian yang bersesuaian oleh pihak kementerian;
4. Yang Berhormat Pengerusi. Masalah seterusnya yang dihadapi oleh penduduk Kampung Air terutama bagi penduduk Mukim Burong Pinggai Ayer dan Kampung Lurong Dalam ialah apabila air surut di perairan sungai menuju Sekolah Menengah Awang Semaun,

- Kampung Sungai Kebun dan menuju Klinik Kampung Sungai Asam tidak dapat dilalui oleh perahu-perahu tambang. Ini, amat menyulitkan kepada kanak-kanak untuk pergi ke sekolah dan pesakit-pesakit yang hendak berjumpa doktor atau yang mempunyai perjanjian;
5. Seterusnya, masalah yang memerlukan perhatian juga ialah jeti tempat naikan dan penurunan penduduk Kampung Air dan pelancong. Ada sebahagiannya telah rosak dan kotor serta licin yang boleh membahayakan kepada yang menggunakannya;
 6. Masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Air ialah untuk pergi bertugas bekerja dan menghadiri suka duka dengan menggunakan kenderaan ataupun kereta pada waktu pagi disebabkan penutupan sebahagian jalan semasa Bandarku Ceria iaitu bermula dari Jalan Dermaga Diraja menuju Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkuah melewati Masjid Omar `Ali Saifuddien hingga ke Balai Polis Pusat. Dipohonkan perkara ini dikaji semula;
 7. Kemudian, kaola juga ingin menyentuh di bawah Tajuk SE02A – Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Kod Akaun 002/002 – Pemeliharaan
- Aset. Dalam Dewan yang mulia ini juga, sukacita ingin mengetahui. Apakah perancangan Lembaga Bandaran mengenai dengan kawasan dan Bangunan Tamu Lama Kianggeh yang sehingga sekarang nampaknya terbiar keadaannya?
8. Kemudian di bawah Tajuk yang sama iaitu Kod 003/001 - Pelesenan dan Penguatkuasaan. Dalam perkara ini, sukacita juga memohon penjelasan pihak Jabatan Bandaran tentang jumlah yang tertunggak dari pembayar cukai pintu dan apakah langkah-langkah yang telah diambil kepada mereka yang gagal menjelaskan? Apa pula kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka yang terlibat ke atas sewa ini?
 9. Seterusnya di bawah Kod 115/004 - Pembangunan semula Kampung Air. Dalam hal ini, kaola hanya ingin untuk mengetahui kampung-kampung yang terlibat untuk pembangunan semula Kampung Air itu;
 10. Di bawah Kod 001/005 - Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan. Pada masa ini, di panggung-panggung wayang (layar lebar) masih lagi didapati adegan-adegan dan percakapan Bahasa yang kurang sesuai ditonton dan didengar. Oleh itu, sukacita untuk mengetahui

tatacara garis panduan ataupun sukat-sukat penapisan di buat.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

1. Mengenai Lembaga Bandaran - Isu sampah di Kampung Air, ia bukan di bawah Lembaga Bandaran iaitu garis *boundary* Lembaga Bandaran tidak termasuk Kampung Air.

Walau bagaimanapun, kaola telah pun menjawab soalan isu sampah ini semasa kaola menjawab soalan mengenai Taman Mahkota Jubli Emas, kaola laratkan lagi dengan izin Yang Berhormat Pengerusi untuk bercakap mengenai kebersihan secara menyeluruh. Isu kebersihan secara menyeluruh ditangani oleh Jawatankuasa Kebangsaan Isu Kebersihan dan kaola telah menerangkan di dalam Jawatankuasa yang tedapat tiga *taskforce*.

Salah satu *taskforce* itu ialah kesedaran (*awareness*) yang barangkali pada masa ini dapat ditonton dalam televisyen dan juga media-media bagaimana kita mempromote untuk memberi kesedaran untuk tidak membuang sampah atau menyimpan sampah tidak menentu.

Semua ini menghendaki *whole of nation approach* tidak dapat diletakkan hanya kepada agensi-agensi tertentu.

Bila kita menyediakan kemudahan-kemudahan seperti tong sampah, kita memerhatikan orang akan dapat memasukkan sampah itu ke dalam tong sampah.

Sungguhpun demikian, kalau kita masih ingat semasa perayaan kapal berhias, pembukaan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, sungguhpun banyaknya tong sampah kitani sediakan sepanjang Jalan Residency dan Bandar Seri Begawan masih lagi orang kitani itu membuang sampah merata-rata, ini mentaliti. Kalau *enforcement* bekerja pada waktu itu banyak jua dapat kitani buat. Ini tanggungjawab kita bersama;

2. Di Kampung Air ini kalau cadangan untuk menimbuk Kampung Air:
 - i. Tidaklah ada lagi Kampung Air yang menjadi kebanggaan kita. Kaola tidak percaya dengan menimbuk Kampung Air itu selesai masalah sampah, di darat pada masa ini pun masih juga orang membuang sampah. Bukan darat laut tetapi isunya ialah isu kitani sendiri dan di bawah Rancangan Rehabilitasi

- Kampung Air ini kita akan berusaha jua bersama dengan Kementerian Pembangunan untuk menangani masalah sampah di Kampung Air ini macamana caranya;
- ii. Perkara kemudahan awam Kampung Air iaitu jambatan-jambatan. Sebagaimana yang diketahui bahawa dalam keadaan pada masa ini kita berusaha untuk menggunakan bajet yang ada untuk memelihara aset-aset kitani di Kampung Air dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** terdapat tambahan peruntukan untuk membaiki jambatan-jambatan yang rosak mengikut keutamaannya.
 - iii. Masalah kebakaran di Kampung Air yang memusnahkan rumah-rumah dan barangkali yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah terdapatnya tunggul-tunggul dan tiang-tiang. Ini juga akan kita usahakan untuk mencabut tunggul-tunggul ini. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sebenarnya kos untuk mencabut sebatang tiang di Kampung Air ini mahal. Jadi kita berusaha bagaimana kita akan menggunakan peruntukan yang sedia ada bagi menangani perkara ini dan bukan sahaja di Kampung Lorong Dalam tetapi kita juga telah membuat kajian berapa banyak tunggul bekas rumah yang perlu dibersihkan;
 - iv. Mengenai dengan Kampung Burong Pingai dan Kampung Lorong Dalam bahawa laluan tidak dapat dilalui tempat itu semasa air tohor, ini barangkali memerlukan pendalaman sungai yang memerlukan lagi sekali satu bajet yang besar juga. Tetapi kita melihat apakah alternatif yang boleh dibuat bagi mengatasi masalah mereka untuk berjalan menuju ke Sekolah Awang Semaun pada masa air tohor. Kalau tidak silap, pada masa ini pun sudah ada jambatan yang menghubungkan Kampung Burong Pingai itu dengan daratan di sebelah belakang kampung tersebut; dan
 - v. Masalah kenderaan penduduk Kampung Air kerana penutupan jalan Bandarku Ceria. Kaola berharap mereka ini akan dapat bekerjasama jua dengan pihak berkenaan kerana sekiranya mereka ini mempunyai apa-apa keperluan pada hari berikutnya, hari Ahad untuk berjalan pada waktu pagi dinasihatkanlah meletakkan kereta mereka itu di kawasan yang tidak ditutup jalannya.
- Jadi sama-samalah bertimbang rasa menyokong akan inisiatif-inisiatif Lembaga Bandaran kerana manfaat yang diperolehi daripada Bandarku Ceria dengan penutupan jalan ini lebih banyak dan kita mempunyai jalan-jalan alternatif (*alternative roads*).

Mereka yang tinggal di kawasan Gadong pun kalau akan ke Bandar Seri Begawan terpaksa menggunakan jalan yang lebih jauh menuju ke Jabatan Perdana Menteri masuk ke Jalan Kebangsaan.

Jadi dalam menyokong sesuatu inisiatif ini perlunya kitani bersama-sama *gift and take* nya orang putih memberi dan menerima. Kalau kitani saja kan *mempush* kehendak kitani sahaja dengan tidak memperdulikan keperluan *national* (kebangsaan) ertinya kita itu barangkali boleh disebut sebagai hanya mementingkan diri sendiri. Jadi bersama-samalah kitani dalam menyokong sesuatu inisiatif itu bukan jua lama barangkali dari pukul 6.00 hingga 10.00 pagi sahaja, selepas itu akan dibuka. Kalau dapat *diadjust time* nya itu satu, kedua diletakkan di tempat yang tidak ada jalan yang ditutup.

Jadi dengan konsep *whole of nation approach* (memberi dan menerima) insya-Allah kita akan menjadi negara maju, masyarakat maju, bangsa yang maju tapi bukan sebagai suatu yang mementingkan hanya dirinya sendiri sahaja.

3. Perkara seterusnya ialah mengenai Pemeliharaan Aset – Bekas Tamu Lama Kianggeh.

Barangkali kaola tidak menjawab Yang Berhormat tetapi hanya mengongsikan sahaja kerana yang berautoritilah yang perlu menjawabnya. Tempat yang berdekatan bekas Tamu Kianggeh itu sebenarnya adalah 'Hari Mu Kubur' dan ada fatwa mufti mengenai penggunaan kawasan yang dikategorikan sebagai 'Hari Mu Kubur' itu, tempat laluan untuk menuju ke kubur.

Jadi pada masa ini tempat itu dikosongkan. Kita telah pun menyerahkan atau merundingkan supaya kawasan ini diserahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi apa jua tujuannya. Bukan untuk lagi membuka apa-apa yang lain lagi. Kitani menghormati akan dasar agama kitani akan hukum yang telah ditetapkan tetapi kita tidak melaung-laungkan semasa pemindahan Tamu Kianggeh. Kita *silent* dalam perkara itu, tetapi oleh sebab Yang Berhormat bertanya di sini, saya menerangkan, mengongsikan apa yang saya ketahui bahawa tempat dan kawasan itu adalah 'Hari Mu Kubur', ada fatwa Mufti Kerajaan mengenai kawasan 'Hari Mu Kubur'.;

4. Cukai pintu yang tertunggak. Lagi sekali, kaola telah pun menerangkan mengenai usaha-usaha Jabatan Lembaga

Bandaran dalam menangani cukai semasa (*current*) dan juga cukai tertunggak. Jadi kaola telah pun menerangkan perkara ini dalam mukadimah kaola, cuma barangkali tidak dapat ditangkap oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebab kaola menggunakan terminologi-terminologi yang tertentu sahaja. Sebenarnya *Recovery Unit* di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun berusaha untuk meng*address* perkara ini dengan beberapa cara:

- i. Menjemput mereka itu datang ke Lembaga Bandaran untuk berunding kemudian kita melihat kemampuan dari segi pembayaran, berapa mampunya dan juga ada kaola sebutkan di sana kemungkinan ada bayaran ansuran. Kaola boleh menerangkan perkara ini dengan lebih lanjut lagi sekiranya Yang Berhormat mahu keterangannya.
5. Pembangunan semula Kampung Air. Pada masa ini, dalam rancangan kita pembangunan semula Kampung Air ini ialah untuk men*develop* membangun kawasan yang berdekatan dengan perumahan-perumahan yang telah pun dibina sebelum ini. Maksud kaola, perumahan yang dibina perumahan yang dapat kitani saksikan pada masa ini di Kampung

Lurong Sikuna sebahagian Kampung Saba Darat, mungkin sebahagian Kampung Setia Pahlawan.

Oleh sebab pembinaan rumah-rumah dalam skim ini juga akan menggunakan *utilities*, kemudahan-kemudahan yang sama jadi penyambungan itu kita rasakan berdekatan dengan tempat ini dan tempat yang dikenal pasti ini jugalah tempat-tempat kepadatan rumah-rumahnya di Kampung Air. Kawasan Kampung Saba, kawasan yang berdekatan dengan perumahan pada masa ini dan kawasan-kawasan ini kawasan yang berhadapan dengan pembinaan atau pembesaran *Jalan Residency* dan juga Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.; dan

6. Hiburan awam. Terima kasih atas perkara Yang Berhormat timbulkan itu dan **إِن شَاءَ اللَّهُ** Lembaga Penapis Hiburan Awam akan memerhatikan ataupun mengambil perhatian akan apa Yang Berhormat nyatakan itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ kaola membawa Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

1. Kaola memulakan hujah dengan memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Awal Tahun Masihi 2018 seperti berikut: "Dari tahun ke tahun kita semakin hampir tempoh sasaran bagi Wawasan Brunei 2035. Tempoh itu semakin ia menghampiri kita maka semakin besarlah tanggungjawab untuk kita memastikan bahawa langkah kita tidaklah ke mana-mana melainkan hanya terarah kepada sasaran sahaja sehingga tercapainya matlamat Brunei Maju."

Kaola melihat titah ini supaya kita sama-sama mengembleng usaha ke arah Brunei Maju bererti maju dari semua segi termasuk rakyat di dalamnya sedapat-dapatnya tidak ada keciciran.

Jika ada yang keciciran maka tangan-tangan yang diberi kuasa akan mengangkat yang tercicir. Mudah-mudahan semua golongan rakyat dapat bergembira dan bersyukur menikmati agihan kekayaan negara '*distribution of wealth*'.

Kita patut melihat positif realiti masa kini. Merujuk kepada penjaja Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan iaitu sekitar kawasan

Taman Mahkota mendatangkan rahmat dan manfaat dengan sumber rezeki yang melimpah, buktinya sangat ramai pengunjungnya termasuk pelancong asing dan orang Brunei sendiri.

Setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan bersabar dan melihat rakyat dengan penuh kasih sayang memeberikan waktu dan peluang, memberikan kerjasama tempat berjaja yang teratur. Allah jua yang akan memberikan ganjaran yang setimpal.

Kaola ingin bertanya: Adakah pihak Lembaga Bandaran mempunyai perancangan untuk membina restoran dan gerai di atas air? Jika ia belum, maka dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin turut mencadangkan, jika ia bersesuaian mengikut kajian pihak Lembaga Bandaran supaya pihak kerajaan memberi penempatan restoran dan gerai di atas air secara kekal atau terapung atau ditawarkan kepada pihak swasta atau pemaju untuk membina bangunan kekal atau tempat terapung bagi penempatan restoran dan gerai di air.

Ini akan menambah kehebatan dan kecantikan Bandar Seri Begawan dengan penyajian pelbagai makanan terutama makanan orang-orang Brunei. Mudahlah segala perancangan dilancarkan Allah Subhanahu Wata'ala dan

memasukkan kita dalam kalangan orang mukhlisin.;

Yang Berhormat Pengerusi. Saya seterusnya membawakan Tajuk SE11A - 2. Jabatan Penjara. Dicadangkan supaya banduan-banduan akan dipersiapkan sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum keluar dan akan masuk semula ke dalam masyarakat diberikan penyuluhan ke arah persiapan perniagaan yang mereka sukar untuk mendapatkan bantuan Baitumal yang termasuk dalam asnaf-asnaf yang berhak menerima agihan zakat. Mereka ini telah diberikan kemahiran sewaktu menjalani hukuman.

Mereka ini dicadangkan supaya digembleng dalam jangka 6 bulan sebelum dibebaskan dan bersedia untuk memperkasa ekonomi diri mereka dan keluarga bagi yang sudah berkeluarga. Apabila mereka keluar mereka dimestikan untuk membuat Pendaftaran Perniagaan 16/17 yang membolehkan untuk mereka menjalankan perniagaan.

Bagi yang tidak termasuk Asnaf hendaklah dibantu untuk mendapatkan pinjaman perniagaan kepada *SME* bank atau Bank Usahawan Brunei. Dengan jalan ini mereka akan fokus menjalani kehidupan seperti mana yang kaola ingat daripada ceramah daripada Yang Berhormat Pehin Mufti kita, "Ekonomi adalah separuh daripada

kehidupan". Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari bagi memberikan lagi banyak kemudahan di Taman Mahkota Jubli Emas adalah satu cadangan yang baik sebenarnya memang dalam perancangan Taman Mahkota Jubli Emas dan sepanjang persisiran Jalan Residency, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama-sama memikirkan apakah kemudahan-kemudahan yang boleh ditawarkan.

Telah dikenal pasti satu daripadanya ialah *floating restaurant* (restoran terapung) satu di Sungai Kedayan, satu lagi di sebelah Sungai Brunei. Kita akan meneliti perkara ini sekiranya ini difikirkan suatu yang *viable* nanti boleh dilaksanakan. Ia kita akan ditawarkan.

Mengenai bekas-bekas banduan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan sokongan padu dari sektor swasta *NGO's* memang selain kursus-kursus rancangan pemulihan kepada para banduan mereka ini apabila keluar dari penjara memulakan perniagaan. Ada yang memulakan perniagaan untuk mencuci kereta dan perniagaan pemakanan.

Sebagaimana yang kaola nyatakan semalam, bahawa mereka ini memerlukan sokongan yang utama iaitu sokongan keluarga, sokongan masyarakat. Sungguhpun terdapatnya kerjasama yang erat usaha-usaha untuk menghidupkan mereka ini berdiri sendiri tetapi tidak kurang juga ada yang gagal. Umpamanya perusahaan menyuci kereta di Beribi berdekatan dengan *Goh Hock Kee* tidak berusia lama kerana selepas beberapa bulan ia telah menutup perniagaannya. Tentulah ada sebab-sebabnya mengapa ia gagal untuk meneruskan perniagaannya.

Seperti yang kaola nyatakan tadi bahawa apabila mereka keluar masih lagi memerlukan sokongan, kaunseling bimbingan dari anggota masyarakat khususnya keluarga dan *NGO's* dan siapa sahaja sukarelawan yang dapat membimbing mereka ini untuk membina kehidupan baharu. Walau bagaimanapun, cadangan daripada Yang Berhormat tadi untuk meluaskan lagi kerjasama ini dengan pihak Majlis Ugama Islam dan agensi-agensi lain adalah satu cadangan yang baik. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri. Saya bercadang untuk kita berehat sementara 15 minit dan kita akan kembali untuk membuat tindak-tandapan yang seterusnya kemudian.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis ini sekarang bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa untuk membolehkan kita menyambung semula perbincangan Jadual Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebentar tadi sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan kita telah pun mendengar soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan soalan-soalan ini telah pun diperjelaskan satu per satu secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga ditambah dengan Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Saya percaya segala penjelasan terhadap soalan-soalan yang ditimbulkan telah pun jelas dan dihuraikan dengan penuh teliti dan saya juga percaya perbincangan kita setakat ini cukuplah apa yang kita dengarkan tadi.

Dengan itu, saya berpandangan ada baiknya Jadual Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri ini, kita undi untuk kita meluluskannya. Sekarang saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua bersetuju dan tidak ada yang menentang maka Tajuk-Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri hingga Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hingga Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat dijadikan sebahagian daripada Jadual. SF01A - Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita akan membincangkan dan membahaskan Kementerian Pendidikan. Sebelum Jadual ini dibukakan untuk dibahaskan sebagaimana lazim, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pendidikan, untuk memberikan mukadimahnyanya tentang asas-asas dan hala tuju dalam penyediaan belanjawan kementerianya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
 وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih pada Yang Berhormat Pengerusi kerana telah memberikan kesempatan kepada kaola untuk memberikan penerangan mengenai Tujuan Dan Fokus Utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2018/2019.

Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Atas kepercayaan dan sokongan dalam memperuntukkan sebanyak \$695,862,240.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019.

Di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan ini sejumlah \$499,104,885.00 disediakan untuk Gaji Kakitangan sementara \$196,757,355.00 untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$13,480,750.00. Kementerian Pendidikan amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan keutamaan kepada pendidikan dengan penyediaan peruntukan yang tinggi di sebalik keadaan ekonomi yang mencabar. Ini semata-mata untuk memastikan Perancangan Pembangunan Pendidikan Negara yang berkualiti tinggi serta Pembangunan Kapasiti Tenaga Manusia dapat diteruskan demi

menjamin kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan akan memastikan peruntukan yang disediakan dimanfaatkan dengan sepenuhnya dengan mengambil langkah berhemah dan berbelanja mengikut keutamaan *value for money* dan penghasilan impak yang maksimum. Sebagai peneraju utama dalam Pembangunan Sumber Tenaga Manusia di negara ini, Kementerian Pendidikan mempunyai amanah besar dalam mendukung hasrat melahirkan generasi yang berpendidikan dan kemahiran tinggi dalam mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rakyat dan penduduk yang mempunyai nilai tinggi terhadap agama, berpendidikan sihat, berdaya tahan dan produktif diperlukan bagi mencapai hasrat menjadi sebuah negara maju. Alhamdulillah, sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam telah mengecapi pencapaian yang signifikan termasuk dari segi infrastruktur kemudahan dan fasiliti guru kurikulum dan akses kepada pendidikan yang merangkumi dari peringkat rendah, menengah, pendidikan teknikal hinggalah pengajian tinggi.

Semua pencapaian ini bukanlah alasan untuk kita berpuas hati dan bersikap *complacent* dalam suasana-suasana ekonomi dunia yang semakin maju lagi sentiasa berubah, keperluan peningkatan kualiti pendidikan semakin mencabar dan menghendaki

Kementerian Pendidikan menyahutnya dengan sentiasa bersikap peka dan proaktif

Sudah tiba masanya anak bangsa ataupun generasi baharu kitani tidak lagi hanya bersaing dalam negeri kerana dalam era Revolusi industri keempat (*Fourth Industrial revolutions*) ini, mereka menjadi *global citizen* yang perlu *competitive* dan berdaya tahan untuk *survival* mereka. Perkembangan dan Inovasi kini yang pantas telah membawa tranformasi kepada cara kehidupan, komunikasi, urus tadbir, perhubungan, berniaga dan sebagainya.

Persediaan dan respons yang *comprehensive* lagi merentasi segala pihak kepentingan baik sektor awam dan sektor swasta mahupun masyarakat perlu memandangkan skop *complexity* yang bakal ditempuhi tidak pernah dialami sebelum ini. Dengan yang demikian, penyediaan Sumber Tenaga Manusia dan *Talent* yang dinamik adalah kunci kepada keupayaan negara untuk terus mampu bersaing. Kapisiti Sumber Tenaga Manusia yang tinggi sudah setentunya akan menarik Pelaburan Langsung, Asing yang diperlukan untuk mempelbagaikan lagi sumber hasil ekonomi negara kita. Dalam erti kata lain, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha melahirkan modal insan yang berilmu dan bertamadun yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Ini selaras dengan visi Kementerian Pendidikan iaitu "Pendidikan Berkualiti

Negara Dinamik” serta misinya “Untuk memberikan Pendidikan Holistik Bagi Mencapai Potensi Sepenuhnya Untuk Semua”.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ke arah memahami ekspektasi cabaran dan mendapatkan cadangan pembaikan dalam sistem pendidikan di negara ini, sesi muzakarah bersama para pemimpin sekolah rendah dan menengah di setiap daerah telah diadakan. Sesi muzakarah ini memberikan wadah bagi Kementerian Pendidikan mengenal pasti isu-isu yang ada, memahami punca permasalahan dan membincangkan apa jua cadangan penyelesaian.

Antara isu-isu utama yang sering dihadapi dalam meningkatkan kualiti pendidikan ialah kualiti pengajaran, penglibatan ibu bapa, infrastruktur, kemudahan pengangkutan, kedatangan pelajar, kualiti sumber tenaga manusia dan hal ehwal guru. Segala buah fikiran dan cadangan yang telah dikongsikan semasa sesi muzakarah tersebut akan diambil perhatian dalam memastikan apa jua usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan adalah sejajar relevan dan benar-benar berimpak besar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sehubungan itu, juga peramba/ kaola/saya kongsi bahawa Kementerian Pendidikan akan menfokuskan Perbelanjaan Peruntukan Kewangan pada tahun 2018/2019 ini melalui pelaksanaan beberapa strategi ke arah peningkatan kualiti pendidikan

di semua peringkat iaitu rendah, menengah, pascamenengah, pendidikan teknial dan vokasional serta pengajian tinggi:

1. Strategi Pendidikan di Peringkat Rendah dan Menengah melalui pelaksanaan inisiatif, Pendidikan Rendah Inisiatif dan Pendidikan Menengah. Alhamdulillah, ia telah mula menampakkan hasil bahawa pencapaian Gred 'A' hingga 'C' dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2017 telah melepasi 70%. Ini adalah pencapaian tertinggi sejak SPN21 diperkenalkan;
2. Strategi meningkatkan Kemahiran Guru dan Keupayaan Kepimpinan Pengetua dan Guru Besar. Empat perkara yang diberi penekanan bagi tahun 2018/2019 ini seperti berikut:
 - i. Mengukuhkan lagi kualiti pemimpin-pemimpin sekolah melalui pelaksanaan *Brunei Darussalam School Leadership Standard* iaitu proses pemantauan dan perancangan keperluan pembangunan keperluan pembangunan kapasiti para pemimpin dapat dilaksanakan. Seramai 113 pemimpin sekolah rendah di seluruh negara telah pun dinilai berdasarkan piawaian ini. Dari data yang diperolehi menunjukkan bahawa 58% para pemimpin telah mencapai kepimpinan tahap 3 iaitu kepimpinan efektif atau *effective*

leadership dan pada tahap 4 (*level 4*) iaitu kepimpinan mantap atau *strange leadership*. *Baseline data* ini juga akan digunakan sebagai rujukan bagi proses pemantauan dan juga dalam merancang keperluan pembangunan kapasti para pemimpin terutama yang berada pada tahap 1 dan tahap 2;

- ii. Mengukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang menjurus ke arah perkembangan kemahiran abad ke-21. Ini dilaksanakan secara giat melalui pembangunan professional guru agar keupayaan mereka dapat ditingkatkan umpamanya melalui Akademi Guru Brunei Darussalam atau *BDTA*. Pada tahun 2017 seramai 1,196 guru iaitu 18.3% daripada jumlah keseluruhan guru peringkat rendah dan menengah telah mengikuti latihan Pembangunan Profesional *BDTA*.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan juga akan terus berusaha memantapkan lagi tahap infrastruktur yang ada bagi mendukung peningkatan kualiti pembelajaran. Dikongsikan di sini bahawa Kementerian Pendidikan akan melaksanakan projek-projek khusus bagi 76 buah sekolah rendah, 26 buah

sekolah menengah, 3 buah Pusat Tingkatan 6 dan 3 buah Pusat Pendidikan Teknik, mengikut keutamaan yang dijangka akan menelan belanja sebanyak \$14.7 juta;

- iii. Melaksanakan Program-program *Home School Link* antara ibu bapa dan sekolah-sekolah bagi membantu pihak sekolah memantau perkembangan pelajaran pelajar-pelajar di rumah dengan kerjasama ibu bapa atau penjaga pelajar. Adalah dikongsikan bagi tahun 2016/2017 sejumlah 38% ibu bapa dan penjaga telah menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Manakala itu bagi sesi muzakarah antara guru dan ibu bapa sejumlah 68% ibu bapa dan penjaga telah menghadirinya setiap tahun. Fakta-fakta ini menunjukkan penglibatan ibu bapa dan penjaga dalam hal-ehwal pelajaran anak-anak mereka masih perlu dipertingkatkan; dan
- iv. Menyediakan satu sistem dan saling mendukung jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan. Ini satu usaha antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan dan pihak sekolah dengan

menggunakan *platform* seperti Jerayawara dan penggunaan Media Sosial dan Laman Portal Kementerian ini bagi mengongsikan maklumat peranan dan ekspektasi pelaksanaan, inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi tujuan penyelarasan usaha-usaha yang ada; dan

3. Strategi ketiga yang kini sedang berjalan ialah meningkatkan literasi dan numerasi pelajar melalui Program Pembimbing Literasi dan Numerasi (*LNCP*) dengan mendatangkan pembimbing antarabangsa atau *international coaches*. Fasa pelaksanaan bermula dari Januari 2017 dengan 3 *insiatif* strategik iaitu:

- i. Program Bimbingan Guru-Guru Tempatan,;
- ii. Pembangunan Kapasiti Bagi *System Leaders*; dan
- iii. Pembangunan Kapasiti bagi Pembimbing Tempatan.

Mengikut perancangan seramai 60 orang pembimbing antarabangsa telah memberikan sokongan kepada lebih 700 guru tempatan secara berjadual di kesemua 155 buah sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kualiti pengajian dan pengeluaran graduan yang memenuhi kehendak pasaran adalah terus menjadi keutamaan bagi institusi-institusi pengajian tinggi dan pendidikan teknikal dan vokasional. *Trend* terkini telah menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang memilih laluan ke Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) dan Politeknik Brunei semakin meningkat.

Sebagai contoh bagi kemasukan ke Peringkat Pascamenengah peratus kemasukan ke Politeknik Brunei telah meningkat dari 7.6% pada tahun 2016 kepada 9.4% pada tahun 2017. Tarikan utama ialah program-program yang ditawarkan berdasarkan kehendak pasaran dan mampu menjanjikan peluang pekerjaan.

Bagi institusi-institusi pengajian tinggi kita pula, *الْحَمْدُ لِلَّهِ* beberapa perkembangan signifikan telah dikecapi iaitu Universiti Brunei Darussalam telah mendapat pengiktirafan dengan berada di tempat 349 *QS World University Rankings* dan kedudukan ke-37 bagi universiti-universiti yang diasaskan kurang dari 50 tahun yang lalu. Manakala Universiti Teknologi Brunei pula mendapat kedudukan ke-9 *QS Asian University Ranking* bagi Universiti Kejuruteraan dan Teknologi di Asia Tenggara.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kecemerlangan sistem pendidikan akan dapat dicapai dengan sokongan padu semua pihak-pihak yang berkepentingan. Ini meliputi para guru,

ibu bapa dan penjaga, komuniti, ketua masyarakat dan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkenaan.

Pada kesempatan ini peramba/kaola/saya ingin merakamkan penghargaan atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dalam memahami isu-isu pendidikan dengan mengadakan lawatan dan perbincangan bersama pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan. Kerjasama erat yang berterusan inilah yang diharapkan dalam sama-sama mendukung usaha Kementerian Pendidikan meningkatkan lagi tahap perkhidmatan pendidikan negara ini.

Sekian dan sekali lagi kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kesempatan untuk menyampaikan mukadimah ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas pembentangan bajet belanjawan yang begitu jelas dan komprehensif terutama mengenai hala tuju, perancangan-perancangan serta pencapaian-pencapaian Kementerian Pendidikan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bersama saya ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk ini. Untuk memulakannya saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman

@ **Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan ribuan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkenaan bajet Belanjawan Kementerian Pendidikan pada petang ini.

1. Kaola ingin menyentuh Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. bagi **الْحَمْدُ لِلَّهِ** mencapai matlamat untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 salah satu daripada 8 strategi yang dikenal pasti adalah strategik pendidikan. Pendidikan yang berkualiti bertujuan untuk membangunkan dan melengkapkan anak-anak kita dari segi moral, intelek, fizikal dan sosial etika dengan nilai-nilai yang betul dan kemahiran yang sesuai untuk menjadikan warganegara yang dinamik bertanggungjawab dan mampu menyumbangkan secara positif kepada negara.
- i. Kaola ingin bertanya mengenai SPN21. Seperti kita sama-sama maklum Sistem Pendidikan Negara Abad 21 atau ringkasnya SPN21 dilancarkan pada bulan Januari 2009. Ini bermakna SPN21 telah diamalkan lebih daripada 9 tahun. Sukacita Yang

- Berhormat Menteri Pendidikan akan dapat menjelaskan: Sejauh manakah SPN21 ini diserapkan ke semua sekolah kerajaan dan sekolah swasta?
- Yang Berhormat Pengerusi. Sukacita kaola mencadangkan agar satu kajian status pelaksanaan SPN21 ini, dibuat bagi setiap sekolah kerajaan dan sekolah swasta dengan tujuan bukan sahaja untuk mengetahui status pelaksanaan di sekolah-sekolah, malahan yang lebih mustahak untuk membantu setiap sekolah yang belum memenuhi kehendak SPN21; dan
- ii. Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin menyentuh mengenai menangani masalah disiplin penuntut dan keselamatan serta kesejahteraan guru. Dalam pengendalian kes berat bagi pelajar seperti penderaan oleh ibu bapa dan masalah sosial lainnya, keselamatan guru khususnya kaunselor dan guru-guru bahagian Hal-Ehwal Pelajar kurang terjamin. Statistik kes berat yang diterima oleh pihak sekolah yang melibatkan pihak Polis, JAPEM, Bahagian Hal-Ehwal Pelajar Jabatan Sekolah-Sekolah dan ibu bapa/penjaga dari tahun 2014 hingga 2017 kes ini semakin meningkat. Kaola ingin mencadangkan pihak sekolah dan guru-guru sekolah bagi memohon jasa baik pihak kementerian untuk mengadakan *School Marshall* yang bertujuan untuk membantu keadaan antara pihak guru dan menghadapi ibu bapa atau penjaga yang agresif.
- Oleh itu, sebarang ancaman, ugutan dan keganasan dapat dikurangkan. Walaupun Akta Ugutan kepada warga perkhidmatan awam telah berkuat kuasa dan pelaksanaannya juga wajar diperkukuhkan. Ia juga wajar diperkukuhkan untuk menjamin keselamatan pihak sekolah.
- Yang Berhormat Pengerusi. Masa ini kebanyakan guru di sekolah *private* adalah lulusan *Form V*, jika ada pun yang berijazah. Mereka tidak mempunyai kelulusan perguruan khas, maka dalam Dewan yang mulia ini, kaola mencadangkan untuk mewujudkan akta untuk setiap guru yang mengajar di sekolah-sekolah *private* itu, mempunyai kelulusan *proper channel*, sekurang-kurangnya Sijil atau Diploma Perguruan.
- iii. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, supaya sekolah yang berada di bawah tadahan kaola iaitu Sekolah Rendah Tanah Jambu akan dapat dibangunkan dengan bangunan yang baharu. Bangunan yang ada telah lama dibangunkan iaitu

sebelum kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Melihat keadaan penuntut dan bilik darjah yang tidak bersesuaian pada masa ini, kita melihat keramaian di sekitar Kampung Tanah Jambu telah memenuhi kehendak dan keperluan ibu bapa untuk menghantar anak sekolah mereka.

- iv. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mencadangkan dan mengusulkan lagi perkara-perkara yang perlu untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Seperti yang difahamkan pada tahun 2017, terdapat hanya kira-kira 1,800 orang tempat yang disediakan untuk berkursus sedangkan yang memohon secara *online* ialah 500 orang dalam pelbagai kursus yang disediakan dan menjadi minat mereka.

Jumlah ini tentunya akan pasti meningkat setiap tahun. Apa yang membimbangkan ialah setiap tahun juga, jumlah ribuan penuntut lepasan '*O' Level*' ini tidak akan dapat melanjutkan pelajaran ke *IBTE* disebabkan tempat belajar yang terhad dan bagi jumlah yang ribuan ini tentunya ada yang menganggur.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Saya kira perkara itu telah juga kita timbulkan beberapa kali dan saya kira, soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat

terlalu banyak. Jadi ada baiknya kalau kita mendengar pula jawapan-jawapan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya kita jelas. Saya juga difahamkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat biasanya mengadakan dialog dengan kementerian-kementerian yang berkenaan.

Saya percaya perkara-perkara seperti ini juga ditimbulkan dalam dialog-dialog yang berkenaan itu. Jadi, janganlah kitani membawa semua perkara yang sudah dibawa dan sudah kita bincangkan dan kita sekarang meneliti Rang Undang-Undang Belanjawan yang memerlukan perhatian kita sepenuhnya dan kita perlu meluluskan perkara ini secepat-cepatnya.

Jadi, kalau kita beralih-dalih, maka pekerjaan kita tidak dapat diselesaikan secepat-cepatnya. Saya kira, Yang Berhormat, cukuplah dulu dan kita persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan jawapan ataupun penjelasannya.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai soalan-soalan tadi:-

1. Menyentuh mengenai SPN21 ini perlu dijelaskan. Sebenarnya, ini sistem pendidikan kitani pada masa ini. Ia telah pun dilaksanakan menyeluruh dan tidak ada sekolah-sekolah yang tidak mengikuti

kurikulum SPN21 ini yang sudah diwajibkan. Untuk menjawabnya, ia sudah dilaksanakan secara menyeluruh. Untuk kefahaman kitani semua jua, ia telah berlangsung selama 9 tahun atau lebih, jadinya *this is our current system*. SPN21 ialah sistem pendidikan kitani pada masa ini dan ia telah pun direviu pada tahun 2014 dan pembaikan-pembaikan telah pun dibuat. Tiga *significant changes* yang telah dibuat melalui SPN21 ini ialah ia memberikan pelajar-pelajar ini *multiple pathway* untuk merealisasikan potensi mereka.

Ia juga mengadakan *technical education* dan *multiple pathway* ini semuanya ditawarkan di kesemua sekolah menengah, *curriculum* dan *assesment* pula memang sudah dilaksanakan di semua sekolah. Pendidikan teknikal telah melalui tranformasi sejak 2015 dengan menawarkan program-program bersifat *demand given*. Jadi mana-mana soalan mengenai pendidikan sistem SPN21 ini ialah mengenai sistem pendidikan kitani pada masa ini.

Kaola memberi penjelasan ini, pada pemahaman kaola, Yang Berhormat Pengerusi, seolah-olah SPN21 ini satu projek. Ia bukan satu projek, malah sistem pendidikan kitani pada masa ini yang sudah berjalan selama 9 tahun dan telah pun dilaksanakan ke semua peringkat, dari peringkat rendah, menengah,

pascamenengah, pusat tingkatan enam dan juga pengajian tinggi; dan

2. Bagi soalan mengenai cadangan daripada Yang Berhormat ini tadi untuk mengadakan *School Marshall*. Ini seperti *American version of School Marshall*, seperti kapal terbang untuk menjadi *guard* di sekolah-sekolah. Pada masa ini, sekolah-sekolah ada *security* pada waktu siang dan malam dan ada guru-guru kanan bahagian disiplin yang selalunya memantau disiplin anak-anak sekolah dan untuk menangani ibu bapa yang agresif itu pun ada juga *terms of reference*. Tetapi pihak Kementerian Pendidikan akan mengambil maklum cadangan untuk mengadakan *School Marshall*, tertakluk kepada keutamaan dan juga peruntukan yang sedia ada.
- iv. Bagi sekolah-sekolah *private*, untuk guru-gurunya dipastikan mendapat sijil perguruan. Memang pada masa ini sedang dilaksanakan tetapi kitani mengambil kira dengan kedudukan sekolah-sekolah *private* ini untuk meng*fulfill requirement* guru-gurunya yang *certified* untuk mengajar dan ini sedang dipantau dan dilaksanakan.

Mengenai Sekolah Rendah Tanah Jambu, perkara ini telah pun diambil maklum oleh Kementerian Pendidikan dan dipohonkan melalui Rancangan Kemajuan Negara dan masa ini menunggu dan ada juga cadangan untuk ia diambil kira

mana-mana sekolah yang sedia ada di kawasan itu. Nampaknya Sekolah Ugama Tanah Jambu yang berada di sana juga mungkin ia akan diguna sama untuk memberikan bangunan yang lebih baik dan keselesaan pelajar-pelajar di tadahan Tanah Jambu itu, masa ini dalam perundingan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

- v. Mengenai *IBTE*. Diambil maklum bahawa *demandnya* lebih banyak daripada tempat untuk pelajar-pelajar Brunei mengambil kursus-kursus di *IBTE* ini. Ini menunjukkan ia semakin *popular* dan ada permintaan yang lebih banyak. Ada alternatifnya ialah pelajar-pelajar ini mengambil kursus-kursus di *private school* yang memberikan kursus-kursus yang serupa dan pihak kerajaan memberikan biasiswa yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, di Jabatan Perdana Menteri iaitu Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional untuk pelajar-pelajar yang memerlukan dan berkelayakan.

Jadi itu ada suda alternatifnya dan mungkin pada masa akan datang *IBTE* mungkin merancang untuk membesarkan fasilitinya untuk dapat menampung permintaan pelajar-pelajar negara ini. Sekian Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti

Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan. Saya ingin mengemukakan beberapa perkara di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan:-

1. Dasar polisi mengenai Pendidikan Khas yang diterbitkan pada tahun 1997. Pada masa ini kita mempunyai seramai 125 orang Guru-Guru *SENA*, manakala jumlah penuntut Berkeperluan Khas pula ialah seramai 2,986 termasuk sekolah rendah dan menengah. Nisbah Guru-Guru *SENA* kepada Penuntut-Penuntut Berkeperluan Khas ini adalah 1:20 *ratio*. Ia agak membimbangkan kerana nisbah pembelajaran dan pengajaran yang *ideal* bagi Penuntut Berkeperluan Khas mungkin 1:1 ataupun *severe case*. Bagi *severe case* 1:5 bagi penuntut yang Berkeperluan Khas bagi tahap biasa.

Seramai 133 orang Guru *Relief* Pendidikan Khas juga telah disalurkan bagi membantu Guru-Guru *SENA*. Namun, masih ada sekolah-sekolah tidak mempunyai Guru-Guru *SENA* mahupun Guru-Guru *Relief* untuk membantu

mengendalikan Penuntut-Penuntut Berkeperluan Khas di sekolah-sekolah. Saya difahamkan bahawa setengah-setengah sekolah Guru-Guru *SENA* yang tidak berfungsi kerana mereka ini ada yang berperanan sebagai Pengetua atau Timbalan Pengetua, guru-guru subjek dalam bidang kepakaran mereka ataupun sedang menjalani latihan dalam perkhidmatan.

Seperti yang kerap disuarakan kualiti adalah penting dari kuantiti. Apakah hasil kejayaan yang telah dicapai oleh pihak UPK untuk memberikan pendidikan inklusif yang efektif dan berdaya tahan melalui inisiatif ini? Sebanyak 23 buah sekolah rendah kerajaan tidak mempunyai Guru *SENA*. Bilakah dan apakah dalam perancangan pihak kementerian untuk melengkapkan sekolah-sekolah berkenaan dengan sekurang-kurangnya seorang Guru Sena dan Guru *LSD*?

Pada masa yang sama, banyak pertubuhan swasta yang telah ditubuhkan untuk membantu Kanak-Kanak dan Masyarakat Berkeperluan Khas terutama sekali dalam pertumbuhan diri dan pendidikan. Pertubuhan-pertubuhan yang dimaksudkan seperti *Learning Leader Society*, *Smarter* dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al Hajjah Maryam Sebagai contoh, di negara jiran sebanyak 19 buah Sekolah Pendidikan Khas dibiayai oleh kerajaan. Pada tahun 2018 sekolah ini dikendalikan oleh 12 buah badan

kebijakan yang sukarelawan dibiayai oleh Kementerian Pendidikan negara tersebut.

Sekolah-sekolah ini menawarkan kurikulum dan program pendidikan yang disesuaikan dengan tujuan untuk membangunkan potensi Pelajar Berkeperluan Khas. Di samping diajar oleh guru khas Guru *SENA* pelajar-pelajar juga disediakan dengan bantuan kemudahan dan sokongan daripada profesional-profesional bekerjasama seperti ahli psikologi, ahli terapi pertuturan, ahli terapi pekerjaan, pakar fisioterapi dan pekerja sosial, Adakah pihak UPK dan Kementerian Pendidikan merancang untuk berkolaborasi bersama pertubuhan-pertubuhan swasta seperti ini untuk membantu operasi pemantauan serta meluaskan lagi skop pembelajaran dan pertumbuhan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas?

Adakah pihak kementerian juga telah merancang untuk bekerjasama dengan badan-badan *NGO* dan sukarelawan dalam membantu kementerian meningkatkan inisiatif *whole of nation approach* membantu Kanak-Kanak Berkeperluan Khas supaya ia lebih efektif;

2. Menyentuh mengenai dengan Ri'ayah Wamahabah pada tahun 2017, seramai 42 orang murid dan 24 orang guru terlibat dalam program tersebut. Pada tahun ini pula hanya 20 orang penuntut sahaja yang mengikuti program ini.

Program ini bertujuan khasnya untuk memastikan penuntut-penuntut tersebut mencapai sekurang-kurangnya 95% kehadiran sekolah. Dalam program ini juga murid-murid tahun 6 yang terpilih akan ditempatkan di Asrama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Mereka juga akan menjalani pembelajaran sebelah malam serta proram-program *remedial* yang diterapkan dalam proses pembelajaran mereka. Kaola mengetahui bahawa murid-murid ditempatkan di satu asrama sahaja dan hanya menghadiri kelas pagi dan petang di Sekolah Rendah Puser Ulak. Jumlah penuntut yang dibenarkan mengikuti program berkenaan berkurangan, walhal masih ramai penuntut juga memerlukan perhatian yang sama. Apakah langkah seterusnya program ini dapat diperluaskan ke daerah lain?

Cadangan yang saya ajukan ini juga sudah saya suarakan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan saya rasa adalah penting untuk saya suarakan kepada Kementerian Pendidikan juga untuk meluaskan program keempat-empat daerah setiap daerah mempunyai satu Ri'ayah Wamahabah *centre* dengan menggunakan aset kerajaan yang sedia ada untuk dijadikan asrama berserta dengan satu sekolah terpilih di setiap daerah dan guru-guru

terpilih untuk membantu lebih banyak penuntut yang memerlukan. Saya percaya jika diusahakan ini meningkatkan program tersebut mungkin juga dicadangkan untuk berkolaborasi bersama *NGO's*; dan

3. Merujuk kepada *work place safety health facilities* dan juga *regulations* yang telah dipinda pada tahun 2017 yang lalu, kita mengetahui bahawa keselamatan adalah satu perkara yang penting tidak dapat diambil ringan terutamanya keselamatan pelajar-pelajar dan juga bagi menyediakan pelajar-pelajar dalam persekitaran yang kondusif dan selesa. Saya dimaklumkan bahawa 28 buah sekolah yang telah gagal mematuhi peraturan dan garis panduan bangunan setelah diperiksa Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Kaola ingin bertanya adakah peruntukan pada tahun ini telah disediakan untuk menaik taraf bangunan-bangunan sekolah untuk memastikan yang sekolah-sekolah ini akan mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan? Bagaimana pula dengan sekolah-sekolah yang lain yang belum diperiksa.

Adakah juga disediakan peruntukan bukan bagi pemeliharaan bangunan-bangunan sekolah; Soalan kaola yang penghabisan, di sini saya juga ingin menyentuh mengenai program bantuan Miftahunnajah yang dikelolakan setiap tahun untuk

memberi sumbangan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan.

Seramai 13,000 orang daripada 51,000 orang pelajar di seluruh negara telah menerima bantuan Miftahunnajah untuk sesi persekolahan tahun 2018. Sumbangan tersebut berupa pakaian seragam, buku kerja dan pengecualian bayaran yuran.

dengan berkat keprihatinan dan pemedulian kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam wajar untuk kita menghargai usaha pihak kerajaan ini untuk menghulurkan bantuan yang tidak putus-putus terutama sekali kepada penuntut-penuntut dan belia negara ini kerana mereka inilah modal insan yang akan menjadi pemimpin pada masa yang akan datang.

Di negara kita terdapat banyak program bantuan yang sering diungkayahkan oleh orang-orang awam, sektor swasta dan badan-badan kebajikan untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan. Baru-baru ini sahaja telah menular dua program bantuan yang dikendalikan oleh sektor swasta dan badan kebajikan iaitu Projek Ikhlas dan *Oil and Gas Discovery Centre Care Program*.

Ini menandakan bahawa sikap keprihatinan rakyat negara ini sangat tinggi. Tibalah juga masanya untuk kita bekerjasama sebagai *whole of nation* dalam menyatukan usaha-usaha *NGO's*

ini untuk menggalakkan bantuan yang sama berulang kali dan membolehkan kerjasama diluaskan di seluruh negara. Sekian sahaja dari saya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman atas soalan-soalan yang telah pun diutarakan tadi.

Mengenai Guru-Guru SENA ini telah pun diambil maklum bahawa Kementerian Pendidikan mendapati ada kekurangan sedikit dengan keperluan yang ada *on the ground* untuk menangani anak-anak istimewa kitani. Sebenarnya, mengikut Unit Pendidikan Khas, *ratio* satu Guru SENA kepada 20 itu ialah *ideal. That is ideal at the moment* yang diadakan.

Pada masa ini *ratio* atau pun nisbah yang ada pada Kementerian Pendidikan ialah 1 ke 28, jadinya jika pada masa ini, Kementerian Pendidikan memerlukan lebih 50 orang lagi jadinya perkara ini akan diusahakan.

Dalam mengusahakan 50 orang Guru SENA ini ia perlu diberi kursus dan harus *dicertified*. Ia akan memakan masa dalam setahun ke dua tahun. Ini dalam perancangan sudah. Perkara ini telah pun diambil maklum *especially* dalam sesi muzakarah antara saya dengan pemimpin-pemimpin sekolah. Apa yang penting di sini yang harus dilaksanakan ialah, adakah Kementerian Pendidikan *mendeploy resources* yang ada

terutama Guru-Guru SENA ini secara optimum, jadi *distribution of resources* sebab kitani harus menghadapi realiti bahawa *resources* ini *scarce, so specially for* Unit Pendidikan Khas pada masa ini.

Pada masa ini sedang dirancangan bagaimana untuk *deploy* guru-guru ini supaya ia dapat mengajar anak-anak murid kitani dalam Unit Pendidikan Khas ini secara maksimum. Pada masa ini difikirkan adakah *specialization of school* untuk diadakan dan anak-anak tersebut akan dikategorikan sebab Kanak-Kanak Yang Berkeperluan khas ini mempunyai berbagai-bagai isu dan *some of them are multiples disabilities*.

Dan ia memerlukan pengkhususan Guru-Guru SENA. Harus difikirkan cara mana yang optimum untuk *deploy* guru-guru ini supaya ia dapat *cover* seluruh anak-anak yang dalam Unit Pendidikan Khas ini.

Pada masa ini sedang difikirkan *how best we can do that* dan diambil maklum bahawa penambahan Guru-Guru SENA ini diperlukan pada masa akan datang dan ia diusahakan dan difikirkan untuk dibukan kembali kursus untuk *certification* Guru-Guru SENA.

Mengenai soalan: "Adakah Kementerian Pendidikan bersedia untuk berkolaborasi dengan *NGO's*?". Pihak Kementerian Pendidikan bersikap terbuka, asalkan semuanya ini dapat diaturkan dan ia adalah *win-win situation* bagi kedua-dua pihak yang difikirkan oleh Kementerian Pendidikan masa ini ialah kepentingan

murid-murid yang di bawah Unit Pendidikan Khas ini. Adakah *we are doing this for their interest and the best of their interest* untuk melakukan ini dan Kementerian Pendidikan akan bersikap terbuka untuk berkolaborasi.

Mengenai Ri'ayah Wamahabah ini, ia dapatan dari Kementerian Pendidikan. ^{الْحَمْدُ لِلَّهِ} keperluannya berkurangan jadinya data yang ada terdapat di Kementerian Pendidikan menunjukkan pengurangan keperluannya kepada 21 orang. Sebab itulah ia di tempatkan di Asrama Pusat Tingkatan Enam Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah.

Di sanatah secara maksimum atau optimum ianya dapat dibuat untuk *cater* 21 orang daripada seluruh negara dan dari keempat-empat daerah. Data dari Kementerian Pendidikan menunjukkan itulah jumlah penuntut atau pelajar yang memerlukan bantuan untuk mengikuti rancangan ini. Untuk melaratkannya keempat-empat daerah kalau tidak ada *demand* akan merugikan secara *resources allocation* dan itulah pandangan dari Kementerian Pendidikan pada masa ini.

Mengenai sekolah-sekolah tidak menepati piawaian kitani, ini satu keadaan yang diambil serius oleh Kementerian Pendidikan. Dalam peruntukan pada tahun ini, abis peramba/kaola/saya katakan akan menanganinya.

Peruntukan yang dinyatakan dalam mukadimah tadi itu dibuat untuk

menyelesaikan perkara ini dan diharapkan ia akan dapat meliputi semua sekolah. Tetapi memandangkan secara realiti dan keadaan ekonomi yang mencabar pada masa ini, ia akan dibuat secara berfasa.

Dari segi keselamatan sekolah-sekolah, *actually* dalam rangka kerja pemuliharaan sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan adalah *priority* pertama, jadinya semua sekolah-sekolah *actually* sebanyak 67 buah sekolah rendah, 26 sekolah menengah, 3 sekolah Pusat Tingkatan Enam dan 3 sekolah vokasional. Semua itu dalam *priority* nombor satu. Dalam pengiraan peruntukan dalam tahun ini sudah.

Mengenai Miftahunnajah ini, untuk maklumat bersama, data yang didapati oleh Kementerian Pendidikan, ia telah pun menurun daripada 13 ribu lebih pada hari itu kepada 11,934 yang ada dan ini menunjukkan petanda baik bahawa ada peningkatan dari sosioekonomi para ibu bapa pelajar-pelajar kitani dan diharapkan ia akan berterusan menurun sebagai satu negara yang berhasratkan untuk menjadi negara maju dan untuk mengecapi Wawasan Brunei 2035 ini.

Kitani kalau dapat nombor ini statistik menurun dari setahun ke setahun tapi cadangan untuk semua *Whole of Nations Approach* untuk menangani ini diambil baik dan diharapkan akan dapat dilaksanakan. Kementerian Pendidikan bersikap terbuka jika ada pihak-pihak yang berkepentingan untuk berkerjasama mengenai Program

miftahunnajah ini. Sekian Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dulu kita membincangkan dan membahaskan Jadual kementerian ini. Maka saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini supaya dapat kita bersidang semula di persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan ini, kita tangguhkan dulu untuk membolehkan kita berehat kerana kita telah pun hampir sehari suntuk menumpukan perhatian dalam meneliti dan berbincang khusus mengenai Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019. Insyaa-Allah, kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu pada hari Rabu, 14 Mac 2018, mulai daripada pukul 2.00 petang.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)